

TARIKH : 8 MAC 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 28

ECERDC sasar RM9.5 bilion pelaburan ke Pahang

ECERDC sasar RM9.5 bilion pelaburan ke Pahang

Bagi mencapai angka itu, aktiviti promosi dan penambahbaikan infrastruktur akan ditingkatkan

Oleh NIK AMIRULMU'MIN NIK MIN KUANTAN

Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) menyasarkan untuk mencapai RM9.5 bilion pelaburan komited ke Pahang tahun ini, iaitu peningkatan lebih 40 peratus daripada pelaburan komited RM5.5 bilion yang dicapai tahun lepas.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail berkata, antara sektor yang berpotensi ialah sektor pembuatan, perlombongan, petrokimia, sektor tenaga boleh diperbaharui, yang dijangka turut mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada rakyat negeri ini.

ECERDC menerusi usaha promosi intensif dengan kerjasama kerajaan negeri, kementerian dan agensi berkaitan telah mencapai RM2.07 bilion dalam pelaburan komited di Pahang dalam tempoh dua bulan pertama tahun ini, katanya. "Saya yakin ECERDC akan mengekalkan momentum pe-

laburan dan meningkatkan aktiviti promosi pelaburan untuk menarik lebih banyak pelaburan yang berkualiti dan bernilai tinggi ke Pahang.

"Projek dan inisiatif strategik yang dirancang oleh ECERDC untuk Pa-

hang, seperti penambahbaikan infrastruktur dan program pembangunan modal insan yang dijalankan seiring dengan usaha promosi pelaburan akan membantu mengukuhkan kedudukan Pahang sebagai sebuah destinasi pelaburan pilihan," katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan di



WAN ROSDY

sini.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas Wan Rosdy memengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan dan Penyelarasan (ICC) Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) Pahang yang berlangsung di Putrajaya pada Selasa.

Beliau berkata, ECERDC kini dalam usaha 'Mencipta Destinasi' bagi merancakkan sektor pelancongan dan memacu ekonomi tempatan di Pantai Hiburan, Rompin yang antara lain merangkumi pembinaan pintu masuk, menara tinjau, gazebo, kaunter tiket dan kemudahan awam lain.

Pantai Hiburan juga telah dikenal pasti sebagai lokasi

Taman Kenderaan Rekreasi (RV) pertama di Wilayah ECER.

Selain itu, ICC Pahang juga telah diberi taklimat mengenai status inisiatif pembangunan industri RV di Malaysia termasuk lawatan pengurusan tertinggi syarikat pengeluar RV Jerman, pengeluar komponen RV dan pengeluar pameran perdagangan karavan ke Taman Automotif Pahang (PAP) dan Taman Teknologi Pahang (PTP) untuk meneroka potensi pelaburan dalam pemasangan dan pembuatan RV pada awal bulan lepas, katanya.

Menurut kenyataan itu, mesyuarat turut membincangkan projek ECERDC di Pahang seperti kerja menaik taraf jeti Kampung Salang di Pulau Tioman, Rompin dan paip agihan air dari Kemaman, Terengganu ke Gebeng, Kuantan.

TUKARAN ASING

MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS	4.47	4.4775
1 EURO	4.7708	4.7775
1 DOLAR SINGAPURA	3.3229	3.3269
1 POUND UK	5.3765	5.3834
100 RYAL SAUDI	119.0793	119.2252
100 RUPIAH INDO	0.0291	0.0292